**Rancangan Tebatan Banjir** MS7



**Penang Green Expo 2013** MS20



**Clean Up the World** MS 24



PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap Akauntabel Telus

16 – 30, SEPTEMBER 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Tiada jawapan positif Pusat punca KN bina sendiri 694 rumah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Foto : **ALISSALA THIAN**



**WONG Hon Wai sedang meneliti model rumah bagi projek pembinaan di Bandar Cassia, Batu Kawan sejurus selepas sidang media dekat sini baru-baru ini.**

**BAYAN BARU-** Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Puau Pinang (PDC) dan anak syarikatnya PDC Properties Sdn. Bhd. membina 694 unit rumah kos sederhana dan kos sederhana rendah di Telok Kumbar, gara-gara permohonan Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 langsung tidak mendapat jawapan positif daripada Kerajaan Pusat.

Pengerusi PDC Properties Sdn. Bhd., Wong Hon Wai yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Air Itam berkata, Kerajaan Negeri pernah memohon daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan supaya cadangan pemajuan rumah mampu milik tersebut dimasuk dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), namun tidak menampakkan sebarang respon positif.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh tunggu lagi kerana bagi saya sudah tunggu lama dan kita harus tukar strategi dengan Kerajaan Negeri membina rumah seperti yang berlaku pada era 1970-an dan 1980-an.

"Ini kerana selepas tahun 1970-an dan 1980-an, pembinaan rumah mampu milik oleh Kerajaan Negeri agak perlahan dan bayangkan tempat kepadatan tinggi seperti di Bandar Baru Air Itam yang dibangunkan pada 1990-an ke semua projek adalah dibina pemaju swasta dan tiada satu unit pun oleh Kerajaan Negeri," ujar Hon Wai semasa satu sidang media di PDC di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pemajuan projek itu membabitkan tanah bernombor lot 865, 866 dan 873 dalam Mukim Sembilan, Teluk Kumbar berhadapan Puspakom dengan sokongan dana daripada Kerajaan Negeri sendiri. Kerajaan Negeri telah memperuntukan RM500 juta untuk dana pembinaan rumah mampu milik.

Projek tersebut terdiri oleh dua blok. Sebanyak 348 unit rumah kos sederhana berkeluasan lantai antara 850 hingga 1,000 kaki persegi akan dibina dalam blok pertama berketinggian 26 tingkat.

Manakalala, 346 unit rumah kos sederhana rendah berkeluasan lantai 700 kaki persegi akan dibina dalam blok kedua berketinggian 25 tingkat.

"Saya menjangkakan unit-unit ini akan mendapat permintaan hangat berdasarkan lokasi yang strategik dengan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang bakal siap tidak lama lagi, berhampiran dengan zon perindustrian bebas serta boleh menarik minat terhadap pembeli muda yang inginkan memiliki rumah yang awal," jelas Hon Wai lagi.

Itu, katanya, Rancangan Kerajaan Negeri membina 20,000 unit rumah mampu milik di semua daerah lain, seperti di Jalan S.P Chelliah dekat Daerah Timur Laut, daerah Seberang Perai Utara (Kampung Jawa dan Ampang Jajar), daerah Seberang Perai Tengah (Bukit Mertajam) dan daerah Seberang Perai Selatan (Bandar Cassia, Batu Kawan).

Beliau berkata, semua harga rumah yang bakal dibina akan diumumkan kemudian.

# JKR sedang pulih 13 cerun runtuh Bukit Bendera - Zairil

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



ZAIRIL Khir Johari.



PEKERJA kontrak sedang melakukan kerja-kerja membaik pulih laluan naik kenderaan pacuan empat roda ke puncak yang didapati rosak akibat bencana tanah runtuh di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** 13 kawasan cerun, termasuk hentian rehat, laluan pejalan kaki serta laluan kereta pacuan empat roda dikenal pasti mengalami bencana tanah runtuh ekoran hujan lebat baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari bagaimanapun berkata, beberapa kawasan bencana berkenaan mula dibaik pulih demi keselamatan penduduk setempat serta pelancong.

"JKR (Jabatan Kerja Raya) sedang melakukan kerja-kerja membaik pulih.

"Dulu di bahu jalan naik ke Bukit Bendera ini adalah longkang, tetapi, sekarang semuanya sudah ditutup dan menjadi sebahagian jalan.

"Pengguna, khususnya penduduk di sini sudah boleh menggunakan jalan ini, cuma perlu berhati-hati," ujar Zairil di *Penang Institute* di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bungah, Cheah Kah Peng dan Lee Chun Kit (Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) turut hadir pada sidang media tersebut.

Dari maklum balas yang diterima daripada JKR, beliau berkata, kerja-kerja membaik pulih kawasan bencana dijangka memakan tempoh tiga hingga empat bulan.

Beliau berkata, pihaknya berharap JKR dapat membaik pulih kawasan-kawasan bencana secepat mungkin demi kepentingan rakyat.

Dalam perkembangan berasingan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow turut mengadakan lawatan kilat ke kawasan kejadian.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **Sam**



# KM pecah tanah bina kilang *Haemonetics*

Oleh : **MARK JAMES**

**BATU KAWAN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyempurnakan Majlis Pecah Tanah bagi tujuan pemajuan kilang *Haemonetics Corporation (www.haemonetics.com)* di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini.

Semasa berucap, beliau melahirkan rasa gembira kerana syarikat peranti perubatan terkemuka Amerika Syarikat (AS) itu memilih Pulau Pinang sebagai pengkalan operasi barunya ke seluruh rantau Asia Pasifik.

"Saya ingin mengalu-alukan syarikat yang sebenarnya mengitar semula darah ke negeri kita.

"Pulau Pinang juga menekankan kepentingan mengitar semula dan *Haemonetics* secara ringkasnya menggunakan darah pesakit sendiri, membersihnya dan memulangkan darah kepadanya merupakan proses mengitar semula darah pertama di dunia.

"Memanglah sempurna dengan '*DNA Penang*' yang mengitar semula," seloroh Guan Eng pada majlis perasmian tersebut.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif *Haemonetics Corporation*, Brian Concannon turut hadir pada majlis itu.

Difahamkan, projek pelaburan bernilai beratus juta ringgit itu di atas tanah berkeluasan 12 ekar dan operasinya dianggarkan membabitkan kira-kira 700 pekerja.

Memetik data *Association of Malaysian Medical Industries* (AMMI), Guan Eng berkata, eksport alatan perubatan negara berjumlah RM12.9 bilion.

Tambah beliau, data *Espicom Business Intelligence*, iaitu satu unit dari *Business Monitor International* yang dipetik menunjukkan pasaran global teknologi perubatan dijangka tumbuh 4.4 peratus setahun, mencapai angka AS$440 bilion.

Justeru, Guan Eng berkata, inisiatif *Haemonetics Corporation* untuk membangunkan industri tempatan di Pulau Pinang, sekaligus, akan memperkasakan pegangannya atas industri alatan perubatan itu sendiri.




**KETUA Menteri (tiga dari kiri) dan Brian Concannon (empat dari kiri) bersama pasukan pengurusan *Haemonetics Corporation* menyempurna majlis pecah tanah di sini baru-baru ini.**

Sebelum itu, Brian berkata, Pul au Pinang dipilih sebagai destinasi pelaburan kerana status negeri berkenaan mempunyai akses pada tenaga mahir serta produktiviti berkualiti tinggi.

"Kami juga menghargai semua bantuan dan sokongan yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Kami melihat usaha ini untuk memanfaatkan kita *(Haemonetics)* dan negeri Pulau Pinang pada masa yang sama," kata Brian.

Terdahulu, Naib Presiden Eksekutif Pengeluaran *Global Haemonetics Corporation*, David Helsel dalam satu kenyataan lain dilaporkan berkata, pemilihan Pulau Pinang dipercayai mampu mendekatkan syarikat antarabangsa itu dengan pelanggan-pelanggan di rantau ini.

Manakala, Naib Presiden Kejuruteraan *Global Haemonetics Corporation*, Sudhakar Varshney pula dilaporkan berkata, Pulau Pinang diiktiraf menawarkan infrastruktur yang baik, mampu membekalkan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta mempunyai persekitaran perubatan yang kukuh.

## KM kecam kes rompak, minta polis pantau pedalaman

**GEORGE TOWN –** Insiden rompakan yang meragut nyawa seorang warga emas, Chin Lee Wong, 83 serta menyebabkan kecederaan kritikal isteri mangsa, Chang Yook Kee, 71, baru-baru ini menerima kecaman Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.



**KETUA Menteri (kiri) menyerahkan sumbangan ihsan kepada waris warga emas meninggal dunia di sini baru-baru ini.**

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih semasa melawat mangsa di Hospital Pulau Pinang, di sini, meminta Kerajaan Pusat dan polis mengambil langkah keselamatan berwajib, ekoran, insiden tersebut.

Saya berharap pihak polis dapat menyiasat dan menangkap pihak yang bertanggungjawab atas serangan yang keji ini.

"Saya juga berharap Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan sedar keperluannya untuk menghantar lebih ramai anggota polis ke negeri Pulau Pinang kerana walaupun daerah-daerah terpencil, seperti Balik Pulau (kerana) mereka juga memerlukan kehadiran polis untuk memastikan keamanan," kata Guan Eng sambil merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa, baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut menyerah sumbangan ihsan sebanyak RM2,000 kepada waris warga emas tersebut.

Dalam perkembangan sama, beliau berharap, semua pihak termasuk komuniti pedalaman supaya progresif memberi kerjasama kepada polis demi memulihara semula tahap keselamatan di negeri ini.

Itu, katanya, termasuk membuat aduan apabila melihat sesuatu yang tidak kena di komuniti masing-masing.

"Walaupun kadar jenayah di bandar raya menurun, ia tidak bermakna jenayah dahsyat tidak akan berlaku.

"Pihak polis mestilah memberi tumpuan di kawasan terpencil dan yang tidak mempunyai CCTV," katanya.

Perkembangan terbaru itu menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan Kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

## Tiada sistem pelupusan optimum punca lambakan sisa elektronik

Oleh : **AIINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Sisa barangan elektronik kini bukan sahaja menjadi sisa pembuangan yang semakin meningkat di Malaysia malah turut dilihat kritikal apabila tiada satu sistem pelupusan yang optimum dilaksanakan oleh pihak berwajib, ulas Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Patrick Khoo Poh Aik pada Karnival Kitar Semula Komputer baru-baru ini.



**CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaran Karnival Kitar Semula Komputer di *Sunshine Square* baru-baru ini.**

Oleh demikian, katanya, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan menggalakkan usahasama semua pihak terutama syarikat-syarikat pengeluar barangan elektronik dan pengguna gajet semasa untuk sama-sama mengambil langkah mengitar semula barangan elektronik.

"Lambakan buangan elektronik ini sebenarnya boleh membawa implikasi yang besar terhadap manusia dan alam sekitar. Ia merupakan suatu cabaran kepada pengurusan sisa pepejal sama ada di peringkat tempatan mahupun global," ujarnya.

Tambah beliau, penggunaan peralatan elektronik bertambah seiring dengan pertambahan penduduk dan perkembangan teknologi.

Namun begitu, pengurusan sisa buangan bahan elektronik ini perlu diperkasakan lagi demi menjamin keseimbangan alam sekitar rentetan peningkatan antara 20 juta ke 50 juta tan sisa elektronik global setahun.

Malah, statistik di Pulau Pinang sendiri menunjukkan peningkatan sisa buangan elektronik saban tahun.

"Jadi, saya bagi pihak Majlis (MPPP) ingin menyeru kerjasama semua agar satu sistem atau rangkaian sistem koordinasi dapat dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2020.

"Pulau Pinang kini menjadi perintis di Malaysia dalam usaha melaksanakan rangkaian sistem pelupusan dan kitar semula yang optimum dan berkesan," jelasnya.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang hadir merasmikan Karnival Kitar Semula Komputer berkata sejak sembilan tahun melaksanakan sistem kitar semula barangan elektronik di Pulau Pinang, sejumlah 145,000 kilogram sisa komputer atau elektronik berjaya dikumpulkan.

"Jumlah ini tidak termasuk kutipan pada karnival ini iaitu 2.2 tan metrik iaitu peningkatan lebih 600 kilogram berbanding tahun lalu menjadikan kadar kitar semula paling tinggi seluruh Malaysia iaitu 30 peratus.

"Syabas kepada semua pihak sama ada individu, swasta mahupun sektor awam kerana menggembleng tenaga untuk sama-sama menjayakan inisiatif hijau ini," ucap Kon Yeow baru-baru ini.

LAPORAN KHAS

# Inisiatif industri halal PP terserlah di persada global

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**USAHA** Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global atau *'Global Halal Centre'* semakin membuahkan hasil apabila baru-baru ini Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkesempatan memenuhi pelawaan Kerajaan Turki ke *4th Istanbul Halal Expo & Conference 2013* di Istanbul.

Abdul Malik yang juga Pengerusi *Penang International Halal Hub (Halal Penang)* turut menerima pengiktirafan dan penghormatan untuk menyampaikan ucapan pada majlis pembukaan ekspo tersebut yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Turki, Yang Berbahagia Bulent Arinc.

*4th Istanbul Halal Expo & Conference 2013* adalah anjuran CNR Expo melibatkan 80 buah negara dan 300 pemamer meliputi negara Timur Tengah dan Eropah.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan beliau, jemputan tersebut merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri atas aspirasi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Halal Global.

Beliau turut menyertai delegasi Timbalan Perdana Menteri Turki melawat tapak pameran di ekspo berkenaan.

Abdul Malik turut menzahirkan hasrat Pulau Pinang dalam mewujudkan jalinan kerjasama dua hala bersama Turki dalam membangunkan industri halal.

Beliau turut mengadakan pertemuan rasmi dengan beberapa buah syarikat tempatan Turki antaranya *Caprice Gold Groupe,* sebuah syarikat industri perhotelan terkemuka di Turki.



**ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri) menerima plak dari wakil *Caprice Gold Groupe* sejurus selepas menandatangai memorandum persefahaman (MoU) di Turki baru-baru ini.**



**ABDUL Malik Abul Kassim (duduk, kanan) bersama Bulent Arinc (duduk, kiri) pada *4th Istanbul Halal Expo & Conference 2013,* Istanbul, Turki baru-baru ini.**

Sebelum ini, *Halal Penang* turut diberi penghormatan yang sama di persidangan Halal Antarabangsa di Kuwait, Pakistan, Thailand, Riyadh dan London.

Malah pada 26 September lalu juga, sekali lagi *Halal Penang* diberi penghormatan di Persidangan Halal Antarabangsa Morocco diikuti pada Disember nanti di Persidangan Halal Antarabangsa Belgium.

Usaha penjenamaan selama tiga tahun sejak penubuhan Halal Penang pada Ogos 2008 menampakkan hasilnya. Sehingga akhir tahun lalu, *Halal Penang* telah berjaya menarik pelaburan dalam dan luar negara berjumah RM484 juta.

Usaha berterusan Kerajaan Negeri dan *Halal Penang* dalam membangunkan industri halal di Pulau Pinang dengan menerapkan konsep *'Halal Eco-system'* sejak lima tahun lalu menjanjikan perkembangan yang positif terutamanya kepada pelabur dan penggiat industri halal dunia.

## Institusi masjid perlu lebih proaktif - YAIPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BALIK PULAU –** Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), Datuk Mansor Othman mahu kepemimpinan jawatankuasa qaryah masjid-masjid di Pulau Pinang lebih proaktif dalam agenda memartabat ummah di negeri berkenaan.



**MANSOR Othman.**



**HAMPIR 100 pemimpin jawatankuasa masjid-masjid qaryah peringkat daerah Barat Daya menyertai bengkel kendalian YIPP di sini baru-baru ini.**

Beliau yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal berkata demikian pada Program Pengukuhan Jawatankuasa Qaryah Masjid 2013 Peringkat Barat Daya baru-baru ini.

"Masjid bukan tempat sembahyang semata-mata, tetapi, masjid perlu menjadi tempat untuk memperkasakan ummah secara proaktif.

"Institusi Masjid di Singapura dan Selatan Thailand umpamanya, bukan terhad sebagai tempat beribadah, tetapi, sudah mempunyai koperasi yang besar (serta) pusat perniagaan komersial untuk membangunkan potensi ummah," ujar beliau di Pusat Latihan Zakat (PULAZA), Pantai Acheh di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man, Datuk Sazali Hussien (Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, JAIPP), Mazlina Maidin (Penolong Pegawai Daerah Barat Daya), Muhd. Anuar Abd. Hamid (Pengurus Besar YIPP) turut hadir pada majlis perasmian bengkel yang berlangsung selama dua hari itu.

Dalam konteks Pulau Pinang, Mansor berkata, tadbir urus cekap Masjid Bertam Indah di bawah pengerusi qaryah, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang lengkap dengan gerakan koperasi serta aktiviti lain boleh dijadikan tanda aras 'masjid madani' contoh untuk masjid-masjid lain.

Sebelum itu, nada yang sama turut disampaikan oleh Mohd. Salleh yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Mohd. Salleh berkata, imej masjid sejak proses pelantikan ahli jawatankuasa qaryah baru-baru ini sedikit sebanyak mencalar imej Kerajaan Negeri dan Islam itu sendiri.

Justeru, katanya, semua kepemimpinan masjid diseru bersama-sama MAINPP untuk mereputasi semula imej masjid sebagai pusat penyatuan ummah.

"Kita anjur program seumpama ini sebagai bentuk pengukuhan kepimpinan ummah, selain, hubungan di antara kita itu (adalah) lebih penting.

"Program ini pertama kali kita buat di (daerah) ini selepas dilantik (menjadi Ahli jawatankuasa qaryah masjid), inshaAllah kita akan lanjutkan (penganjuran program ini) sampai ke Seberang Perai," ujar beliau.

## P. Pinang rai meriah Hari Lahir T.Y.T

**PADANG LALANG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan seluruh kepemimpinan Kerajaan Negeri meraikan Ulangtahun Ke-75 Hari Lahir Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Seri Majimor Shariff dalam satu majlis jamuan teh di Dewan Ng Yam Huat di sini baru-baru ini.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang dan isteri, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I) dan isteri, Prof. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri I) dan isteri turut hadir pada majlis keraian tersebut.

Hadir bersama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, Chong Eng (Ahli Dewan Undangan negeri Padang Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Datuk Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP).

Abdullah Rahman dan isteri menyempurnakan majlis memotong kek dengan penuh istiadat.

Manakala, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan beberapa kepemimpinan lain mengambil peluang untuk memberi hadiah penghargaan sebagai menyanjungi kepemimpinan utama Abdul Rahman.

Pelbagai acara pentas seperti nyanyian lagi, boria memeriahkan temasya tersebut.

# KM seru P.Pinang pertahan semangat Malaysia



TUN Dr. Abdul Rahman Abbas (empat dari kanan) menyampaikan replika cek RM1,500 kepada kontinjen TM Berhad sambil disertai oleh Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan) dan Law Choo Kiang (empat dari kiri) di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyeru seluruh warga Pulau Pinang supaya mempertahankan semangat keMalaysiaan sempena sambutan Hari Malaysia Ke-50 peringkat negeri baru-baru ini.

Teks ucapan Guan Eng dibaca oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, manakala, Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Abdul Rahman Abbas pula menyempurnakan upacara perasmian majlis.

"Kini sudah genap 50 tahun, kita harus menilai sejauh manakah kita dapat mengecapi kejayaan atau kemajuan yang disasarkan dalam Janji Merdeka dan Persekutuan Malaysia.

"Janji-janji kebebasan, kebenaran, keadilan dan demokrasi yang menjamin kemakmuran ekonomi serta keadilan sosial sepatutnya telah dicapai, namun, kita masih dapat melihat kemiskinan, kemungkaran, kejahilan, masih berlaku di negara ini," ujar Mohd. Rashid di Dewan Sri Pinang di sini.

Hadir bersama, Speaker Dewan Undangan Neger (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang.

Mohd. Rashid berkata, pentadbiran Guan Eng akan terus melaksanakan polisi tadbir urus berintegriti yang dikenali sebagai Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Justeru, Mohd Rashid berkata, kepemimpinan Kerajaan Negeri menyeru semua pihak supaya bersama-sama memerangi kemiskinan, rasuah, jenayah, kejahilan dan penyalahgunaan kuasa demi mendaulatkan undang-undang serta memartabat manusia sejagat.

Sementara itu, Abdul Rahman menyempurna majlis penyampaian hadiah kepada wakil kontinjen yang menyertai saingan perbarisan sempena Hari Kemerdekaan Ke-56 di Bagan, 31 Ogos lepas.

Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bukit Mertajam memenangi kategori institusi pengajian tinggi awam (IPTA), TM Berhad (juara kategori NGO & Swasta), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (juara kategori badan kerajaan) dan Sekolah Kebangsaan St. Xavier (juara kategori pancaragam sekolah).

Johan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM 1,500, RM1,000 (naib johan) dan RM750 (tempat ketiga).

Dalam perkembangan sama, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Lebuh Light masing-masing membuat persembahan pentas kior dan *coral speaking* pada temasya malam Hari Malaysia baru-baru ini.

## Sekitar Karnival Pesta Tanglung Peringkat Negeri Pulau Pinang 2013



YANG di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Shariff (kiri sekali) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Ong Kok Fooi (kanan sekali) bergambar kenang-kenangan bersama watak-watak dewa pada Karnival Pesta Tanglung Peringkat Negeri di Kompleks Makanan Insa Dunia, Bukit Mertajam baru-baru ini.



ANTARA barisan tetamu kehormat yang hadir ke Karnival Pesta Tanglung Peringkat Negeri di Bukit Mertajam.



DERETAN tanglung menyerikan Kompleks Makanan Insa Dunia sempena sambutan Karnival Pesta Tanglung baru-baru ini.





PENGUNJUNG turut berkesempatan mencuba alat muzik tradisional di ruang pameran Persatuan Permainan Tradisional dan Warisan Serantau (PEWARIS) pada Karnival Pesta Tanglung di sini.

# Waris pelajar mati lemas terima ihsan RM1,000 KN



KETUA Menteri mendengar luahan rasa kecewa daripada Abd. Karim Abd. Ghani (duduk, kiri) dan Roshiha Abd. Malek (duduk, kanan) sambil diperhati oleh Maimunah Mohd. Sharif (berdiri, empat dari kiri) di sini baru-baru ini.

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM -** Waris kepada Mohd. Shahmin Abd. Karim, 9, dan Mohd. Faris Isham Hisham, 9, yang mati lemas di kolam tadahan air berhampiran tapak pembinaan Bandar Perda di sini baru-baru ini masing-masing menerima sumbangan ihsan berjumlah RM1,000 daripada Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau sangat kesal dengan insiden yang berlaku dan meminta waris, Abd. Karim Abd. Ghani dan Roshiha Abd. Malek (ibu arwah Mohd. Faris) supaya bersabar.

Nada yang sama turut diluah oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dalam majlis yang dilangsungkan di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), di sini.

Abd. Karim yang ditemui kemudian melahirkan rasa kesal atas sikap pemaju di tapak pembinaan berkenaan yang didakwa tidak bertanggungjawab atas insiden pada 12 September lepas.

"Saya berasa terkilan dengan mereka yang berdiam diri dan dilihat seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku sedangkan tragedi ini tersebar luas di media sosial.

"Tiada langsung wakil dari pihak pemaju yang datang melawat atau meminta maaf atas kejadian yang menimpa kami sekeluarga," katanya.

Sementara itu, MPSP pada 13 September lepas menyerah notis kesalahan di bawah Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 kepada Aseania Development Sdn. Bhd.

Pemaju itu diarah menghentikan kerja pengorekan, arahan memasang pagar keselamatan serta papan tanda larangan serta-merta.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan beberapa Ahli Majlisnya, Amir Md. Ghazalli, Ahmad Tarmizi Abdullah serta Mohd. Rizal Abd. Hamid turut hadir pada majlis sumbangan ihsan tersebut.

## Exco sumbang 15 *first aid kit*, St. Nicholas perlu RM2.5 juta



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan peti pertolongan cemas kepada Daniel Soon (tengah) pada satu majlis ringkas di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menyerahkan 15 peti petolongan cemas yang setiap satu bernilai RM570 kepada Sekolah St. Nicholas.

Abdul Malik berkata, sumbangan peribadi berupa 15 *first aid kit* itu diharap dapat membantu pelajar-pelajar kategori orang kurang upaya (OKU) penglihatan di sekolah berkenaan.

"Saya sememangnya kerap melawat sekolah ini, oleh itu, saya ingin melihat perkembangan sekolah ini dan para pelatih di sini supaya ianya bertambah baik dari masa ke semasa," ujar Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Sebelum itu, Pengarah Eksekutif St. Nicholas, Danial Soon memaklumkan bahawa, sekolah itu memerlukan kira-kira RM2.5 juta setahun untuk kemudahan para pelajar OKU.

Justeru, beliau berharap lebih banyak pihak, khususnya badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) tampil melakukan sumbangan amal demi masa depan pelajar-pelajar istimewa di sekolah berkenaan.

"Jika mereka mendapat peluang yang sama seperti pelajar normal yang lain, saya berasa mereka mampu mendapat pendidikan dan pekerjaan yang mempunyai nilai tinggi seperti di sektor korporat dan sebagainya dan tidak terhad kepada sektor-sektor tertentu sahaja.

"Ini turut dapat membantu mereka bebas dari segi masalah kewangan.

"Jika kami tidak mendapat sumbangan seperti (yang dilakukan Abdul Malik) ini, bermakna kami perlu bekerja keras sedikit untuk mencari dana bagi mendapatkan bantuan seperti hari ini," ujar beliau.

## Ops bersih tutup17 kedai tomyam - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** 17 kedai tomyam dari 28 premis makanan yang diperiksa oleh Jabatan Kesihatan Negeri baru-baru ini diarah tutup kerana tidak mematuhi piawaian kesihatan negeri.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, operasi tersebut sebagai langkah pencegahan demi mengelak pelanggan terdedah pada keracunan nanti.

"Melalui pemeriksaan yang dilakukan terdapat pelbagai kes kebersihan, antaranya bau kencing tikus, kehadiran tikus dan anak-anak lipas, tahi tikus, dan penggunaan makanan di dalam tin yang berkarat," ujar Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menerusi emel kepada Buletin Mutiara.

Beliau berkata, kelulusan operasi semula perniagaan akan dikeluarkan sekiranya jabatan berpuas hati dengan tahap kebersihan di premis-premis berkenaan.

Dalam perkembangan yang sama, beliau berkata, pihaknya senada dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengenakan kompaun sebanyak RM10,000 mengikut Akta Peraturan Kebersihan Makanan 2009 ke atas semua premis makanan yang didapati tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

Inisiatif itu sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

# 16 bangunan rintis pelaksanaan GBI

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Oleh: **ALISSALA THIAN**

**IKTIRAF...** EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini menyampaikan Sijil Pengiktirafan Index Bangunan Hijau *(Provisional Gold Rating)* kepada 16 wakil dari pelbagai institusi atas inisiatif mereka menjadikan premis perniagaan atau bangunan milikan mereka berstatus 'Bangunan Hijau' mengikut Indeks Bangunan Hijau atau *Green Building Index* (GBI).

"Kerajaan Negeri sememangnya mengambil berat tentang isu-isu alam sekitar dan melaksanakan segala aktiviti berlandaskan aplikasi teknologi hijau agar pembangunan yang dicapai lebih mapan.

"Sekaligus, ia dapat menjuruskan kepada peningkatan kualiti hidup untuk rakyat," ujar Kon Yeow pada seminar khas di *Cheong Fatt Tze Mansion* baru-baru ini.

Hadir sama, mantan Presiden *Malaysia Green Building Confederation* (MGBC) Ar. Von Kok Leong, Pengerusi REHDA Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan Fook Sing dan Presiden *Chinese Chamber of Commerce* Pulau Pinang, Datuk Seri Choot Ewe Seng.

Di bawah penarafan GBI, pemaju dan pemilik bangunan kini akan membina dan mereka bentuk bangunan yang lengkap dengan memenuhi standard penarafan hijau iaitu keberkesanan tenaga, mutu persekitaran dalam bangunan, pengurusan dan perancangan kawasan secara lestari, sumber dan material, mutu air serta inovasi.




**CHOW Kon Yeow (tengah) menyampaikan plak pengiktirafan kepada salah seorang wakil yang menerima Sijil Pengiktirafan Index Bangunan Hijau *(Provisional Gold Rating)* dekat sini baru-baru ini. Turut serta Von Kok Leong (kiri).**

## 3,200 sertai kempen selamat kayuh basikal CFAL 5




**KETUA Menteri (mengibarkan bendera) melepaskan 3,200 peserta CFAL kali kelima di Esplanade, Padang Kota, baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** 3,200 pengayuh basikal menyertai Acara Kempen Satu Lorong Kali Ke-5 (CFAL 5) sejauh 82 kilometer melalui jalan sekitar Padang Kota ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Teluk Kumbar, Balik Pulau sebelum kembali ke garisan penamat dekat Padang Kota, di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri menyempurna upacara pelepasan program anjuran *Rottary Club Tanjung Bungah* serta *G Club Penang Cyclist* dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), seawal jam 7.00 pagi.

Lebih 100 peserta antarabangsa menyertai acara tersebut sungguhpun dalam hujan yang renyai.

Presiden G Club, Dr. Lim Seh Guan berkata, program kayuhan dalam satu lorong yang tidak menawarkan sebarang hadiah ini diharap dapat memupuk lagi budaya keselamatan dan disiplin kepada pengayuh basikal semasa di jalan raya.

"Kayuhan pada kali ini turut mencabar dari segi cuaca hujan, jalan yang licin, pastinya menuntut para peserta lebih berhati-hati.

"Ditambah pula laluanya merangkumi 80 peratus jalan berbukit, namun, saya berbangga kerana kesemua peserta berjaya menamatkan cabaran ini," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Beliau turut melahirkan rasa terharu kerana penyertaan program kali ini lebih memberangsangkan walaupun penganjur tidak menawarkan sebarang bentuk hadiah kejohanan.

Bagaimanapun, beliau berharap, acara cabutan bertuah berupa barangan aksesori basikal serta 12 unit basikal jenama Giant dalam pelbagai saiz dan jenis dapat menghargai semua pihak yang menyertai kempen gaya hidup selamat itu.

## RM507.4 juta demi atasi banjir - Exco

**TELUK KUMBAR -** Kerajaan Negeri memperuntukan lebih RM507.4 juta pada tahun ini bagi mengatasi masalah banjir berisiko tinggi, meliputi bahagian pulau dan Seberang Perai.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, keseluruhan jumlah dana tersebut diterima dari sembilan 'sumber' berlainan.



**CHOW Kon Yeow (kiri) bersama Abdul Rani Zainon melawat rumah pam di Teluk Kumbar sambil memerhatikan sampah sarap yang dibersihkan dari rumah pam terbabit.**

"Kita menerima dana seperti dari peruntukan persekutuan, caruman perparitan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), peruntukan negeri, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) MPSP, Bajet MPPP dan permohonan peruntukan baru.

"Bagi caruman MPPP dan MPSP, wang itu adalah hasil daripada kutipan kerja-kerja projek dan kerja jururunding di mana mereka perlu membayar caruman ini bagi mengelakkan banjir di kawasan luar projek dan ini terbahagi kepada empat bahagian," ujar beliau di sini baru-baru ini sambil mengadakan tinjauan fungsi rumah pam di Teluk Kumbar.

Menurut beliau, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri pada 26 Ogos lalu turut meluluskan RM6.2 juta untuk tujuan sama.

"Daripada jumlah peruntukan besar ini juga, ianya akan dibahagikan kepada 50 projek RTB seluruh negeri dan jumlah diberikan berdasarkan nilai projek," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Sementara itu, Jurutera Awam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Abdul Rani Zainon berkata, pihaknya berjaya mengeluarkan beberapa kawasan dari kategori lokasi banjir berisiko tinggi sejak empat hingga lima tahun lepas.

"Pada masa sama, masih terdapat tiga empat tempat masih mengalami banjir seperti Teluk Bahang, Teluk Kumbar dan sebahagian di Sungai Nibong Kecil.

"Pihak kami turut mengenal pasti antara punca utama banjir adalah sampah yang dialirkan oleh air ketika hujan ke dalam longkang dan rumah pam.

"Apabila rumah pam tersumbat, maka aliran tidak dapat disalirkan dengan baik lalu berlakulah banjir," ujar beliau lagi.

Justeru, beliau berharap penduduk berwajib memberi kerjasama sewajarnya dengan menjaga kebersihan persekitaran demi mengelak bencana banjir kilat.

Sebelum itu, Kon Yeow berkata, skim perumahan pada 1970-an yang berada di kawasan rendah, saiz pembetungan, sistem longkang yang uzur dan tidak mampu menampung aliran banyak, sampah sarap, perubahan pada kawasan tadahan biasa, pelepasan air dari kawasan pembangunan, mendapan pada saliran, sungai yang sempit serta penerokaan bukit dan tanah yang berleluasa merupakan antara punca berlakunya banjir di kawasan-kawasan yang dikenal pasti.

# Fitnah II: Puad, Utusan terima kata dua KM



KETUA Menteri menunjukkan dokumen berwajib dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN -** Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi dan akhbar Utusan Malaysia diberi kata dua gara-gara tersiarnya artikel 'Cuba sembunyi kebiadaban DAP' pada 7 September lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kedua-dua pihak tersebut diminta memohon maaf secara terbuka serta menarik balik artikel berunsur hasutan itu atau bersedia menghadapi tindakan mahkamah.

Beliau berkata, peguam Karpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor merangkap Pengerusi DAP) sendiri akan memulakan tindakan mahkamah sekiranya tiada penyelesaian daripada kedua-dua pihak berkenaan.

"Lim Kit Siang tiada di Kuala Lumpur, beliau berada di Kota Kinabalu, balik saja dari Kota Kinabalu, beliau ditahan di bawah ISA," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Artikel yang dilaporkan dalam Utusan Malaysia itu antara lain menyebut, "Tindakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng cuba menyekat tayangan filem Tanda Putera di negeri itu didakwa kerana ingin melindungi adegan biadab seorang pemimpin DAP."

"Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mohd Puad Zarkashi mendakwa, tindakan melulu Guan Eng menyekat penayangan filem berkenaan semata-mata ingin menyembunyikan kebiadaban Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang bertindak kencing di depan rumah Menteri Besar Selangor ketika peristiwa 13 Mei 1969."

Sementara itu, Guan Eng memuji sikap The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) atas kenyataan maaf kepada Datuk Zarul Ahmad Zulkifli (Pengerusi *Zenith Construction*), ekoran, laporan berbaur fitnah yang disiarkan mereka pada 15 Mac 2013.

Laporan yang dimaksudkan itu antara lain menuduh Ketua Menteri menganugerahkan projek infrastruktur mega negeri kepada seseorang yang telah dipenjara dan didenda kerana pecah amanah (CBT).

Pihak NSTP, dilaporkan, berjanji tidak akan mengulangi dakwaan yang kurang berasas itu.

Terdahulu, Guan Eng pernah menang saman fitnah ke atas Utusan Malaysia.

## KN, penduduk interaksi status jalan sehala Pulau Tikus



RATUSAN hadirin memenuhi khemah pada sesi dialog yang diadakan di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PULAU TIKUS -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan terus mendapatkan maklum balas mengenai percubaan menguatkuasa cadangan jalan sehala bagi menyelesaikan kesesakan trafik dari Jalan Kelawei ke Bagan Jermal, di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya turut berusaha menyelesaikan isu parkir terhad, kemalangan serta penguatkuasaan setempat yang menjadi masalah malar segar di sini.

"Saya berjanji, pihak kami akan melakukan keputusan yang terbaik dalam menilai isu-isu berbangkit dan menyeru semua pengguna buat masa ini ikut semua arahan pihak berkuasa (MPPP) dan papan tanda yang disediakan demi keselamatan semua," ujar beliau sejurus selesai sesi dialog bersama komuniti Pulau Tikus di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Cheah Kah Peng (ADUN Kebun Bunga), Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera) turut menjadi panelis dalam interaksi bersama-sama hampir 500 penduduk setempat.

Hadir bersama, Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. A.Rajendran.

Bercakap pada majlis sama, Rajendran berkata, cadangan mewujudkan laluan sehala di jalan-jalan tersebut masih dalam tempoh percubaan, iaitu dari 27 Julai hingga 27 Oktober ini.

"Penduduk juga harus faham, walaupun papan tanda sudah dinaikkan ini, tidak bermakna ianya adalah secara kekal, ianya masih boleh diubah demi kebaikan bersama dalam tempoh kajian ini.

"Selepas ini, pihak saya akan mengkaji secara menyeluruh idea-idea dan gesaan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk di sini," ujar beliau selepas mendengar keluhan 26 responden yang tampil ke depan untuk berdialog.

Beliau turut menasihatkan pihak tertentu supaya tidak mengeruhkan suasana setempat, ekoran dari inisiatif terbaru pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

## *Lions Club* Georgetown rayu bantu kanak-kanak sakit kronik



YI Juin kelihatan terlantar sakit di rumahnya sambil ditemani ibu.

Oleh: **MARK JAMES**

**TANJUNG BUNGAH –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu memuji inisiatif *Lions Club Georgetown* menyalurkan hasil kutipan derma awam bagi menampung kos perubatan seorang kanak-kanak mengidap sakit *Acute Necrotizing Encephalopathy of Childhood* (ANEC) yang dikaitkan dengan *Infuenza A* (H1N1).

"Kos terapi untuk pusingan pertama RM65,000 dan *Lions Club Georgetown* melakukan kutipan derma ini dan sikap murah hati 'Dr. Tham' telah menyumbang RM32,000 baki yang diperlukan oleh adik Yi Juin.

"Kita akan terus mendapatkan sumber-sumber sumbangan lain (bagi membantu) keluarga berkenaan," ujar Yee Cheu selepas mendapat maklum balas daripada ibu Yi Juin di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Dr. Lau Hee Sim bersama-sama rakan sekerjanya, "Dr. Tham" dari Switzerland yang mengendalikan kes Yi Juin turut serta dalam lawatan tersebut.

Manakala, Yee Cheu berkata, sesi kedua perubatan nanti Yi Juin dianggarkan memerlukan kos mencecah RM500,000.

Sebelum itu, ibu Yi Juin berkata, anaknya memerlukan perhatian 24 jam, hatta, mengakibatkan mereka sekeluarga berdepan dengan masalah kewangan.

Sumbangan ihsan boleh dibankkan melalui **Public Bank, 315 471 8215** atau kiriman cek atas nama **Lions Club Georgetown** di alamat **PO Box 989, George Town.**

Info lanjut, hubungi Presiden Kelab Lion Georgetown, Jimmy Ong melalui talian **012-488 5538** atau emel, *lionjimmyong@gmail.com*.

## SENARAI BERJAYA TAWARAN

DAERAH PROJEK : **SEBERANG PERAI UTARA**

NAMA PROJEK : **274 (BERTAM PERDANA 3)**

JENIS RUMAH : **RUMAH KOS RENDAH (RM42,000)**

TARIKH PEMILIHAN : **04 SEPTEMBER 2013**

| BIL | NAMA | PEMOHON NO.KP (LAMA) | NO.KP (BARU) |
|---|---|---|---|
| 1 | ABDUL MANAN BIN IBRAHIM | P51XXX | 47110407XXXX |
| 2 | ABDUL RONI BIN ISMAIL | A1178XXX | 68111302XXXX |
| 3 | ABDULLAH BIN LOCKMAN | T1037XXX | 59082508XXXX |
| 4 | AMAN BIN JOHAN | 454XXX | 54081709XXXX |
| 5 | FATEMAH BI BINTI IBRANSA | 0973XXX | 39020207XXXX |
| 6 | KHOLIL BIN HUSSAIN | 4087XXX | 51052307XXXX |
| 7 | MANIS BT AHAMAN | 7488XXX | 57010302XXXX |
| 8 | MARENI BINTI PAK @ JAAFAR | A1255XXX | 69052607XXXX |
| 9 | MOHAMAD AZMI BIN BAKISAH | A2719XXX | 73123007XXXX |
| 10 | MOHD KASSIM BIN OSAMAN | 4872XXX | 55070207XXXX |
| 11 | MUNIANDY A/L CHITRAVILU | 1748XXX | 47042307XXXX |
| 12 | NORLIZA BT MUSTAPHA | A3319XXX | 76022403XXXX |
| 13 | NORMIN BINTI ABU BAKAR | A1055XXX | 68070707XXXX |
| 14 | RAHMATH BANU BINTI OSMAN GHANY | 6954XXX | 63021107XXXX |
| 15 | ROHANA BINTI MD TAHIR | A2265XXX | 72070907XXXX |
| 16 | SHARIFAH NAJIBAH BINTI SYED ABD AZIZ | 6916XXX | 63012901XXXX |
| 17 | SITI RAHMAH BINTI ISMAIL | A3876XXX | 51032602XXXX |
| 18 | SUBRAMANIAM A/L KARUPPIAH 0 | 390XXX | 49002020XXXX |
| 19 | TAN KHEN EE | 860509355XXX | 86050935XXXX |
| 20 | ZALIFAH BINTI MOHAMED RAZI | A1068XXX | 68071108XXXX |
| 21 | ZAMIN BIN AHMAD @ SAID | A0987XXX | 68060907XXXX |
| 22 | ZULKAFFLI BIN AWANG | A2501XXX | 73070507XXXX |
| 23 | ZURAIDI BIN JAAFAR | A2131264 | 72030407XXXX |

## SILA DIMAKLUMKAN SEKIRANYA ADA BANTAHAN TERHADAP PEMOHON YANGDITAWARKAN SEPERTI DINYATAKAN, SILA KEMUKAKAN BANTAHAN SEPERTI DALAM FORMAT BERIKUT

**NOTIS BANTAHAN**

***Sebarang bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh paparan dimuatnaik. Pohon kembalikan Notis Bantahan yang telah dilengkapkan bersama dokumen sokongan bantahan ke Bahagian Perumahan, **Tingkat 20 KOMTAR**

**Nama Pembantah** : ______________________

**No. K/P** : ______________________

**Alamat / E-mel** : ______________________

**No. Tel** : ______________________

**Nama yang diBantah** : ______________________

**Sebab Bantahan** : ______________________

***Semua maklumat di atas wajib diisi. Bantahan tidak akan dilayan sekiranya maklumat tidak lengkap***

# KM harap jalan baru lancar trafik pekerja

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI** - Pekerja Taman Perindustrian Perai kini boleh menggunakan jalan yang baharu siap dibina di Tingkat Perusahaan 4C di sini untuk pergi dan balik melalui Jambatan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jalan akses sepanjang 81.5 meter itu dibina hasil perancangan berdasarkan hasil.

Justeru, katanya lagi, semua pekerja diharap tidak lagi menempuhi kesesakan jalan raya pada waktu masuk dan keluar berkerja di sini.

"Ini adalah satu projek CSR (tanggungjawb sosial korporat) oleh PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) yang telah dijalankan dengan kos lebih RM1 juta.

"Pembinaan jalan masuk ini adalah berdasarkan pada maklum balas daripada pekerja-pekerja di kawasan perindustrian di sini," ujar beliau pada majlis perasmian di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC) dan Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) turut hadir pada majlis tersebut.

Terdahulu, Guan Eng berkata, Tingkat Perusahaan 4C adalah jalan mati.

Namun, katanya lagi, kerja-kerja pemajuan dimulakan pada bulan Ogos tahun lepas dan siap pada 15 Jun tahun ini.



KETUA Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) serta kepemimpinan Kerajaan Negeri yang lain menyempurna majlis pembukaan jalan baru yang menyambung Tingkat Perusahaan 4C di sini dengan Jambatan Pulau Pinang, baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menjelaskan sebab projek pemajuan itu tidak dapat disiapkan mengikut jadual, iaitu pada 30 November tahun lepas.

Menurut beliau, kabel-kabel bervoltan tinggi berada di bawah tanah kawasan pemajuan, lalu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memerlukan lebih masa untuk kerja-kerja pemindahan.

"Apabila membina longkang, kontraktor meletakkan kabel voltan tinggi yang dimiliki oleh TNB di kawasan itu.

"TNB, kemudiannya bersetuju untuk menukar tempat kabel," ujar beliau.



PELAN dan susun atur untuk pengubahsuian dan penaiktarafan kompleks makan dan pasar Tanjung Bungah untuk memperbaiki isu-isu yang telah dikenal pasti.

# Naik taraf Kompleks Makanan Tanjung Bungah RM1.58 juta

Oleh: **MARK JAMES**

**TANJUNG BUNGAH** - Kerajaan Negeri memperuntukan RM1.58 juta untuk mengubah suai dan menaik taraf Kompleks Makanan dan Pasar Tanjung Bungah yang dijangka siap pada Oktober tahun depan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu berkata, *Shaship Trading* dipilih untuk melakukan penyelenggaraan seperti membaiki kerosakan pada sistem perparitan, keretakan jubin lantai dan sebagainya.

Selain itu, katanya, kerja membaiki struktur siling, memperbaiki meja-meja dan kerusi kawasan permakanan, memasang alat perangkap gris untuk penjaja dan melengkapkan pusat dengan sinki keluli tahan karat turut termasuk dalam pelan penaiktarafan bangunan tersebut.

Difahamkan, kerja-kerja pembaikan membabitkan 56 gerai dalam tiga seksyen di bangunan yang sama.

Perkembangan terbaru itu, sekaligus, menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam meningkatkan infrastruktur kemudahan awam demi kepentingan rakyat.

## ADUN Sg.Pinang sumbang RM1,000 mangsa kebakaran



MOHD. Nasir Ismail (kanan) bersama-sama Lim Siew Khim (kiri) meninjau lokasi kejadian sambil menerima maklum balas daripada mangsa kebakaran di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI PINANG** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim menyerahkan sumbangan ihsan RM1,000 kepada keluarga mangsa kebakaran di Flat Mutiara Idaman 1 di sini baru-baru ini.

Itu, tidak termasuk bantuan segera daripada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), masing-masing berjumlah RM1,000 dan RM500.

"Ini semua adalah bantuan segera sementara menunggu Tabung Bencana T.Y.T menyiasat kerugian dari insiden ini," ujar beliau semasa melawat kawasan kejadian.

Hadir bersama, Pegawai Khas bagi ADUN Sungai Pinang, Saiful Azwan Abdul Malik, Mohd. Faruk Abdul Rahman (Pegawai Khas bagi Ahli Parlimen Jelutong, Ooi Chuan Aun) dan Mohd. Nasir Ismail (Pengerusi JKKK Kampung Jelutong).

Dalam perkembangan berasingan, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Datuk Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP merangkap ADUN Permatang Pasir) turut dilaporkan melawat keluarga mangsa.

Dilaporkan, kebakaran tersebut antara lain memusnahkan sebuah bilik dan kawasan dapur rumah mangsa.

# Mendepani kesenjangan pendapatan: ke arah dasar sosial yang adil

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**KAEDAH** pembuatan keputusan demokrasi yang paling asas adalah melalui suara majoriti, satu konsep binari di mana pilihan yang mendapat lebih daripada separuh undi akan diterima pakai. Walau bagaimanapun, model ringkas ini, yang digunakan dalam kebanyakan badan perundangan di seluruh dunia termasuk di Malaysia, dengan mudah mampu membawa kepada majoritarianisme, atau mudahnya, “tyranny of the majority” atau “kezaliman majoriti”.

Dalam keadaan sedemikian, khasnya apabila tiada perlindungan undang-undang, golongan minoriti mudah ditindas, sama ada minoriti dari segi kaum, jantina atau kelas. Ini adalah amat relevan kepada masyarakat di negara kita yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang wujud bersama-sama majoriti Bumiputera (kebanyakan mereka adalah Melayu-Islam), yang membentuk lebih 50 peratus daripada penduduk.

Situasi etno-agama yang rumit ini memerlukan pendekatan demokrasi yang lebih intuitif dan adil, yang bukan sahaja memenuhi kehendak dan keperluan majoriti, tetapi juga melindungi hak dan keperluan golongan minoriti.

Dalam erti kata lain, kerajaan perlu memastikan penyediaan mobiliti sosial yang bukan hanya semata-mata ruang dan infrastruktur, dan kemudian membiarkannya tanpa kawalan.

Isu yang saya rujuk di sini adalah ketidaksamaan pendapatan. secara tradisinya kita menerima bahawa ketidaksamaan adalah kesan semulajadi akibat pertumbuhan ekonomi kerana persaingan yang sihat dan meritokrasi akan menyebabkan hasil yang tidak sama rata. Lagipun, adalah masuk akal bahawa mereka yang bekerja lebih keras dan lebih bijak daripada yang lain akan mendapat lebih banyak faedah berbanding dengan mereka yang tidak berdaya saing.

Walau bagaimanapun, bukti empirikal menegaskan bahawa ketidaksamaan pendapatan mungkin tidak mapan dan membentuk keseimbangan serta pertumbuhan ekonomi. Hal ini disebabkan pendapatan yang tidak seimbang biasanya akan menyebabkan kekayaan berkepuk hanya dalam kalangan golongan teratas, dan seterusnya melemahkan permintaan mereka yang berada di bawah.

Pada masa yang sama, ketidaksamaan pendapatan juga mewujudkan kitaran ganas yang merencatkan akses pendidikan yang berkualiti, penjagaan kesihatan, peluang ekonomi dan mobiliti sosial akhirnya semakin jauh daripada jangkauan orang kebanyakkan. Dalam erti kata lain, bukan sahaja yang kaya semakin kaya, yang miskin akan menjadi lebih miskin, baik dari segi material mahupun sosial.

Sebelum itu, Pengerusi FMM Pulau Pinang, Khoo Cheok Sin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terus kekal bersama FMM negeri demi memajukan industri masing-masing di negeri ini.

"Jamuan tersebut adalah untuk meraikan lebih daripada empat dekad pencapaian, dan kita sebagai Jawatankuasa FMM cawangan Pulau Pinang wajar memberikan penghormatan kepada para pengasas FMM Pulau Pinang," kata Cheok Sin.

Pengerusi FMM, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon turut hadir pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan sama, tiga ahli FMM yang menerima anugerah darjah kebesaran negeri sempena Ulangtahun Ke-75 Hari Lahir Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Abdul Rahman Abbas baru-baru ini turut dirai dalam majlis tersebut.

Mereka, Naib Pengerusi Cawangan FMM, Dr. Ooi Eng Hock, penerima pingat Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran 'Datuk'.

Dua lain, Pengerusi Jawatankuasa PMM Pulau Pinang) dan "Encik Ong" yang masing-masing menerima pingat Darjah Johan Negeri (DJN) dan Pingat Kelakuan Terpuji (PKT).

Dalam majlis keraian FMM, 10 ahlinya turut menerima penghargaan berupa plak atas usaha mereka masing-masing menyokong institusi itu dengan menawarkan kos-kos latihan yang inovatif demi memenuhi kehendak industri.

# P.Pinang tumpu kembang potensi BPO - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan memberi lebih tumpuan pada sektor perkhidmatan transaksi dan penyumberan luar memandangkan industri baru itu mampu menjana peluang ekonomi serta pulangan hasil yang tinggi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian dalam Konferen Perkhidmatan Transaksi dan Penyumberan Luar Kali Ke-2 dekat Persiaran Gurney di sini baru-baru ini.

Memetik laporan *Gartner 2013*, beliau berkata, sektor informasi dan teknologi maklumat dijangka meningkat empat peratus kepada AS$ 3.9 trilion pada tahun depan.

Justeru, katanya, Kerajaan Negeri memperuntukan tanah berkeluasan 17 ekar di zon Perindustrian Bayan Lepas dan Bayan Baru dalam tempoh lima tahun bagi mengembangkan prospek pelaburan industri tersebut.

"Pertumbuhan ini juga pastinya akan rancak menjana ekonomi negara," ujar beliau di depan kira-kira 1,000 peserta dari seluruh negara dalam konferen tersebut.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Datuk Lee Kah Choon (Penasihat Khas kepada Ketua Menteri) dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC) turut hadir pada majlis itu.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng berkata, Pulau Pinang diiktiraf oleh *United Nation Development Organization* sebagai antara 10 lokasi perindustrian terbaik dunia yang dijangka meningkat naik pada tahun depan.

Tambah beliau, *Citigroup Transaction Services* baru-baru ini membuka cawangan keduanya di negeri ini bagi mengurus 20 juta transaksi melibatkan AS$ 58 trilion, dengan kekuatan kakitangan seramai 1,300 orang yang berkhidmat untuk negara negara-negara sekitar Asia, Amerika Utara, Eropah, Asia Tengah dan Afrika.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk syarikat dari Singapura, *Wilmar Global Business Services* yang membuka cawangan ketiganya di *One Precint* dekat Bayan Baru, selepas membuka dua kilang penapisan minyak masak emas dekat Seberang Perai.

# KM harap Ekspo Hijau PP 2013 lahir komuniti progresif

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU** – Inisiatif Kerajaan Negeri dalam memupuk idea, pembangunan produktiviti hijau, inisiatif meminimumkan penjanaan gas karbon serta memulihara alam sekitar diharap mendapat sokongan progresif terbanyak warga Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada majlis perasmian Ekspo Hijau Pulau Pinang Kali ke-3 baru-baru ini.

"Sejak diadakan pada tahun 2011, kita berjaya menjadikan ekspo ini sebagai satu aktiviti yang sungguh menarik untuk anda dan keluarga.

"Ini bukan sahaja menyediakan platform yang unik kepada peserta yang membuka gerai di sini, bahkan, memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada pengunjung tentang konsep hijau dan *trend* terbaru mengenai konsep hijau," ujar Guan Eng di *Subterranean Penang International Conference & Exibition* (sPICE) di sini.

Pengerusi Penganjur *Penang Green Expo* merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu, Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjong) dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis tersebut.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata turut merakamkan penghargaan kepada penganjur kerana berjaya mengadakan pelbagai acara menarik atas tema *Heal the Earth, Count Me In*.

Beliau berkata, inisiatif Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif hijau tidak wajar dipertikai lagi memandangkan semua pihak sudah mengiktiraf kejayaan-kejayaan yang dilakukan secara bersama sejak lebih lima tahun lepas.

"Dalam memelihara alam sekitar juga, Pulau Pinang telah muncul negeri pertama di Malaysia yang memansuhkan penggunaan beg plastik dan bekas makanan polisterina.

"Kita juga berbangga kerana pada Mei lalu, Pulau Pinang telah mencapai 30 peratus kadar kitar semula dan melebihi sasaran negara iaitu sebanyak 20 peratus pada tahun 2020," ujar beliau lagi.

Lebih 80 gerai menyertai ekspo kali ini, seperti *Wokshop Mama*, Taman Tema *ESCAPE Mini*, konsep perkahwinan hijau, boria, pertandingan mewarna, pertandingan fotografi, forum, pertandingan memasak, cabutan bertuah dan sebagainya.

Kempen sejuta tandatangan petisyen kuburkan LYNAS turut dilancarkan dalam ekspo selama dua hari itu.


**SEORANG kanak-kanak mencuba salah satu permainan memanjat dinding yang disediakan oleh Taman Tema ESCAPE di sini baru-baru ini.**

**Penaja Utama *Penang Green Expo 2013***



# RM1 juta simbol KN sokong FAP - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini menyumbang RM1 juta sebagai tanda sokongan penuh kepada kepimpinan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) yang baharu dipilih tanpa pertandingan melalui mesyuarat agung luar biasa (EGM).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemilihan Pengerusi Eksekutif merangkap Pengarah ASPEN Vision Land Sdn. Bhd., Datuk Seri Nazir Ariff Munshir Ariff sebagai Presiden FAP mengekalkan model baru yang diamalkan Kerajaan Negeri.

"Kita nak menggunakan modal yang baharu, iaitu pemimpin yang berkepakaran dan berpengalaman (layak dipilih), saya berasa akan membawa hasil (kejuaraan).

"Maka, di sini, Kerajaan Negeri ingin memberikan sokongan terhadap kepimpinan baharu (FAP).

"Komitmen kami (Kerajaan Negeri), PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) akan menyumbang RM1 juta melalui kepimpinan Presiden FAP yang baru ini," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembanguan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Ir. Jaseni Maidinsa (Pengurus Besar PBAPP) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir bersama, Timbalan Presiden FAP, Datuk Laurence Loh, Datuk Gary Nair (Naib Presiden DAP) turut hadir pada kunjungan hormat tersebut.

Guan Eng berkata, Mohd. Foaz Hamid yang menyandang jawatan Presiden FAP sebelum ini adalah bukan ahli politik dan beliau berjaya melonjak skuad Harimau Kumbang sebagai juara Liga FAM pada musim lepas.

"Kita nak menjauhi daripada modal lama sebelum ini, hanya menteri besar atau ketua menteri boleh menjadi presiden persatuan sukan sungguhpun ketua menteri atau mentera besar tak tahu langsung tentang sukan.

"Sungguhpun saya (sebagai Ketua Menteri) minat bola, tidak semestinya saya pakar bola...baru boleh berjaya," ujar beliau.

Dalam respons lanjut, Nazir Ariff merakamkan penghargaan atas inisiatif Kerajaan Negeri.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan sumber tajaan lain kerana FAP memerlukan kira-kira RM8 juta untuk persiapan ke Liga Perdana musim depan.



**NAZIR Ariff Munshir Ariff (enam dari kiri) menerima cek sumbangan bernilai RM1 juta daripada Jaseni Maidinsa (empat dari kiri) sambil diperhati oleh Ketua Menteri serta kepemimpinan Kerajaan Negeri dan FAP yang lain di sini baru-baru ini.**

"Saya dan pasukan saya akan bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan FAP ke taraf profesional.

"Kita tidak mahu menjadi jaguh kampung, tetapi, akan berazam untuk menjadi jaguh negara dalam tempoh dua, tiga atau empat tahun.

"Formula kita adalah 2 + 2, iaitu FAP (sasar sertai) Liga Perdana (dalam masa dua tahun) dan Liga Super (dalam masa dua tahun berikutnya).

"Dalam satu tahun, anggaran kami (FAP untuk menyertai Liga Perdana) adalah RM8 juta," ujar beliau.

## Exco arah briged tumpu cakna wanita, warga emas

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU -** Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng meminta Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP) memberi tumpuan yang lebih kepada program-program membabitkan wanita dan warga emas.



**SEBAHAGIAN peserta Kursus Induksi Briged Wanita Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan bersama kepimpinan negeri yang hadir di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata demikian kepada 80 peserta Kursus Induksi BWPP di sini baru-baru ini.

"Bukan sahaja program-program emas Kerajaan Negeri, tetapi, juga program kesihatan seperti pemeriksaan mammogram percuma dan program ekonomi seperti pinjaman mikrokredit melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Atas dasar ingin memberi kesedaran, Briged Wanita Pulau Pinang ditubuhkan dan ahlinya menjadi agen penyampai maklumat untuk membantu wanita terutama daripada golongan terpinggir seperti ibu tunggal dan wanita luar bandar," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru), Datuk Abdul Halim Hussain (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang) dan Mohd. Tuah Ismail (Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Betong) turut hadir pada majlis itu.

Beliau berkata, pihaknya membuka Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai serta menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-kanak dekat Padang Tembak dan Taman Serumpun sebagai kelangsungan pada pelaksanaan Projek Bajet Responsif Gender (GRB).

Tambah beliau, pihaknya turut merancang untuk menganjurkan kursus induksi ini dalam bahasa Tamil bagi memudahkan capaian kaum wanita terhadap prosedur-prosedur program-program Kerajaan Negeri.

Tidak cukup dengan itu, katanya, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan Dasar dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-kanak dengan menubuhkan taman asuhan kanak-kanak (taska) pertama di Komtar, George Town.

"Komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan wanita tidak pernah padam dan terhenti, namun sokongan semua pihak amat ditagih dalam menjayakannya.

## *Lions Club of Penang* sumbang 100 kerusi

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN –** *Lions Club of Penang* menyumbang 100 kerusi roda terpilih pada rumah-rumah kebajikan terpilih, selain, enam orang kurang upaya (OKU) dalam satu majlis amal yang julung kali dianjurkan oleh pertubuhan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, sumbangan amal itu diharap dapat meningkatkan produktiviti golongan kurang upaya (OKU) berkenaan.

"Misi utama kami pada hari ini adalah membantu golongan kurang upaya (OKU) bergerak dan melakukan aktiviti harian mereka serta dapat meningkatkan lagi produktiviti," kata Lai Heng di sini.

Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Abdul Rahman Abbas, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Loh Nam Seng (Presiden *Lions Club of Penang)* serta jurucakapnya, Lee Boon Hoe turut hadir pada majlis itu.

Sebelum itu, Boon Hoe melahirkan hasrat untuk saling bekerjasama dengan Kerajaan Negeri demi memelihara kebajikan rakyat, khususnya OKU di negeri ini.

"Pihak persatuan sentiasa bersikap terbuka dalam membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira agama, bangsa mahupun fahaman politik." ujar Boon Hoe.

Rumah kebajikan yang tersenarai menerima kerusi roda antaranya, Relau Rumah Charis Berhad, *Silver Jubilee Home For The Aged*, Persatuan Kanak-kanak Cerebral Palsy (Spastik) Pulau Pinang, Persatuan Rumah Cahaya Harapan Pulau Pinang (Pusat Harian Warga Mas), *Eden Handicap Service Centre* dan *House of Hope*.




**SEBAHAGIAN penerima ihsan kerusi roda bergambar kenang-kenangnya Tun Abdul Rahman Abbas (belakang, tengah) di Dewan Masyarakat Penyayang baru-baru ini.**

# Kak Ton gigih suburkan potensi kraftani hasil cengkerang laut

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**
Jurupandu: **SHAWAL AHMED**







ANTARA hasil kraftangan yang dihasilkan oleh Kak Ton Kraf.



AYAM serama yang sering mendapat permintaan tinggi.

**SIAPA** sangka, moluska (cengkerang laut) dan terumbu karang boleh dijadikan kraftangan unik dan dapat dikomersialkan sehingga mampu menarik minat pelancong dari luar negara.

Pencarian kali ini telah membawa Krew Jalan-jalan ke suatu kawasan desa di Teluk Bahang untuk berjumpa dengan Pengasas Kak Ton Kraf, baru-baru ini.

Lebih mesra disapa sebagai Kak Ton atau nama sebenar Jinaton Ahmad, 72, merupakan usahanita unggul kraftangan hasil cengkerang laut.

Ibu kepada tiga cahaya mata ini mula berjinak dalam seni penghasilan kraftangan sejak berusia 30 tahun lagi.

"Kak Ton mendapat dorongan dan sokongan dari keluarga, bermula sebagai hobi dan lama-kelamaan Kak Ton rasa ianya mampu menambah pendapatan keluarga," ujar Kak Ton yang bersemangat menunjukkan hasil-hasil kraftangan yang dihasilkannya di kediamannya di sini.

Tambahnya, berbekalkan kegigihan dan keyakinan diri beliau nekad menyertai kursus kemahiran kraf siput di Teluk Batik, Perak.

"Kak Ton pi (pergi) belajar kat Perak dengan bermodalkan RM200 pada masa tu (itu).



KAK Ton menunjukkan demonstrasi tatacara pembuatan bunga kraf menggunakan sisik ikan.

"Alhamdulillah setelah hampir 40 tahun, Kak Ton dah (telah) pi macam-macam kursus kemahiran dan menyertai pelbagai pameran sama ada di Pulau Pinang mahupun peringkat kebangsaan," jelas Kak Ton.

Dengan ilmu dan kemahiran yang dimiliki, Kak Ton memberanikan diri memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan kini beliau telahpun mempunyai sebuah kedai kraftangan di Teluk Bahang.

"Sekurang-kurangnya minat Kak Ton mendorong Kak Ton mereka cipta bahan-bahan terbuang hasil laut ini menjadi kraf yang menarik.

"Kulit-kulit siput yang kita anggap sampah kini digubah menjadi hiasan di sudut-sudut meja, aksesori wanita dan cenderamata," ujarnya.

**Mudah, Murah, Berpatutan**

Menurut Kak Ton, hasil seni kraftangan cengkerang laut ini sangat berpatutan harganya dan boleh dikatakan murah.

"Kak Ton peroleh bahan-bahan asas sama ada melalui nelayan-nelayan tempatan di sini ataupun Kak Ton *'order'* (tempah) dari luar seperti Perak dan Sabah.

"Kak Ton hanya menggunakan bahan-bahan asas yang berkualiti tinggi dan tahan lasak serta mempunyai corak yang menarik," tegas Kak Ton.

Jelas Kak Ton lagi, untuk menghasilkan produk terbaik, kulit-kulit siput yang diperolehnya akan dicuci terlebih dahulu bagi menghilangkan bau. Selepas diberus dan dicuci rapi, kulit-kulit siput tersebut akan dikeringkan sekali kering supaya kulitnya akan lebih cantik, bersinar dan terserlah pelbagai bentuk dan warna yang ada pada kulit siput tersebut.




Kemudian, kulit-kulit siput akan dikategorikan mengikut hasil kraf yang ingin dihasilkan dan akhirnya akan disembur bahan khas bagi menambah daya tahan hasil kraf berkenaan.

Tambah Kak Ton, antara kulit siput yang sering diperoleh beliau adalah siput remis, siput sudu, kerang, siput sedut, siput lokan, mentarang, siput gayam, kupang, siput rodong dan siput gonggong. Malah, sisik ikan dan biji saga turut digunakan sebagai bahan mencantikkan hasil kraftangan Kak Ton.

"Kalau tengok sini memang macam-macam Kak Ton buat antaranya *'key-chain'*, gelang tangan, rantai leher atau kalung, bunga hiasan dan hiasan meja.

"Yang paling popular dalam kalangan pelancong asing seperti dari Jepun baru-baru ini, hiasan meja berupakan ayam serama, yang ni pun Kak Ton jual pada harga yang sangat berpatutan iaitu antara RM60 ke RM200 ikut saiz hiasan," jelas Kak Ton.

Malah, Kak Ton juga mengikut *'trend'* dengan menggabungkan kulit-kulit siput dengan manik-manik, mutiara serta tumbuh-tumbuhan bagi memenuhi permintaan semasa.

**Pengalaman dan Pencapaian**

"Alhamdulillah, Kak Ton telah diberi pelbagai pengiktirafan sama ada sebagai usahawan bimbingan Jabatan Pertanian ataupun menyertai kursus-kursus di bawah Kerajaan Negeri.

"Boleh dikatakan setiap tahun Kak Ton pasti menyertai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan sama ada Peringkat Negeri Pulau Pinang mahupun Peringkat Kebangsaan," cerita Kak Ton sambil menunjukkan pelbagai sijil-sijil penghargaan dan pengiktirafan yang diperolehnya.

Penulis tertarik apabila melihat sijil-sijil Kak Ton, selain pernah memperoleh penghargaan hasil kraftangannya daripada pelbagai agensi kerajaan, beliau turut diiktiraf sebagai wakil ulung usahanita dari Pulau Pinang dalam hasil kraftani.

Malah, hasil kraftangan Kak Ton turut diintai oleh Pengurusan Taman Tema ESCAPE, Teluk Bahang baru-baru ini.

"Syukur sangat-sangat, semua ini rezeki dari Allah S.W.T., sebagai manusia, Kak Ton akan terus berusaha," katanya yang turut berpeluang menyertai pameran di *Langkawi International Maritime & Aerospace* (LIMA) baru-baru ini.

Kak Ton turut menjadikan pengalamannya bersama Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA) Sinar Mutiara Pulau Pinang sebagai platform untuk mengajar kepada mereka yang berminat untuk mengikuti kursus bersama Kak Ton.

"Kak Ton bangga dengan pencapaian ahli-ahli KUNITA Sinar Mutiara kerana pernah menjadi johan sebanyak lapan kali pertandingan mengubah kraftangan dan Kak Ton akan teruskan usaha ini sebagai dorongan ke peringkat yang lebih tinggi," jelas Kak Ton yang turut menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang KUNITA Sinar Mutiara.

**Cabaran dan Harapan**

Bagi Kak Ton tiada jalan pintas untuk peroleh kejayaan. Perlukan kesabaran, minat dan kegigihan untuk berjaya mampu mendorong kita melakukan sesuatu yang luar biasa.

"Kak Ton akan teruskan usaha ini selagi Kak Ton hidup dan alhamdulillah, anak-anak pun banyak membantu Kak Ton.

"Kak Ton sendiri perturunkan ilmu ini kepada anak-anak supaya ilmu yang ada tidak lupus dan hilang begitu sahaja," ujar Kak Ton.

Bagi mereka yang berkunjung ke Teluk Bahang bolehlah singgah di kedai Kak Ton, **Risma Pelangi Enterprise** di alamat **477, Mukim 1, 11050 Teluk Bahang** atau menghubungi Kak Ton di talian **012-582 4814.**

Kraftangan Tempatan Kebanggaan Pulau Pinang, Kebanggaan Malaysia..!

# *Muslim Enclaves* jadi impian YIPP - Mansor

**SEMASA** menjadi pemimpin Melayu nombor satu dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dulu, beliau berjaya meninggalkan legasi yang baik buat penggantinya.

Dari situ, beliau diminta bertanding sebagai Ahli Parlimen dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada 5 Mei lepas demi mempertahan kemenangan bagi kawasan Nibong Tebal.

Rakyat terus memberi mandat kepadanya.

Beliau tidak lagi menoleh ke belakang kerana taklifan untuk menggerakkan Yayasan Islam Pulau Pinang (YAIPP) menjadi menunggu serta telahpun menjadi keutamaan beliau hingga sekarang.

Walaupun baru setahun ditubuhkan, gagasannya melalui YIPP untuk membangunkan potensi umat Islam serta sektor-sektor pelancongan negeri dirasai.

Datuk Mansor Othman semasa ditemui selepas Program Mengukuhkan Kepimpinan Jawatankuasa Qaryah Masjid Pulau Pinang Peringkat Daerah Barat Daya baru-baru ini berkata, antara fokus YIPP sekarang adalah mewujudkan *Muslim Enclaves* di negeri berkenaan.

"Kerajaan Negeri sendiri memberi tumpuan pada sektor pelancongan. George Town sendiri sudah diiktiraf sebagai tapak warisan sedunia oleh UNESCO (Organisasi Pendidikan, Keilmuan dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu).

"Maka, YIPP ke arah itu dengan memberi tumpuan untuk mewujudkan sebuah *Muslim Enclaves* di George Town ini.

"Ini meliputi kawasan Masjid Melayu di Lebuh Acheh, Masjid Kapitan Keling dan Masjid Syah Waliyy serta kawasan tanah wakaf sekitarnya juga, di sini.

"Semua lokasi ini merupakan antara kawasan yang menjadi tempat tumpuan awal pedagang Islam sedunia yang datang mendarat.

"Kedua, di tempat-tempat ini juga merupakan tempat berkumpul orang-orang yang pergi Haji menggunakan kapal (laut), dulu.

"Ini semua bukan kerja yang mudah untuk kita (YIPP) memberitahu dunia bahawa di George Town ini mempunyai komuniti umat Islam yang hebat, warisan-warisan sejarah perkembangan Islam yang besar dari wilayah Arab, India dan rantau Asia sendiri," ujar Mansor.

Mansor dilihat begitu berwawasan semasa menjelaskan kerangka perancangan *Muslim Enclave* dalam wawancara bersama wartawan akhbar **Buletin Mutiara (BM), ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

**PENDIDIKAN**

Sebelum PRU13, Mansor turut pernah dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti.

Sebelum terjun dalam arena politik, sebenarnya, beliau sudah dikenali dalam dunia akademik di Universiti Sains Malaysia (USM), George Town.

Berbekalkan tiga sarjana, iaitu *M.Soc.Sc* dari *USM* serta *M.A.* dan M.Phil. dari unversiti itu serta Universiti Yale dekat Amerika Syarikat, melayakkannya beliau menyandang jawatan penting seperti Pengarah bersamaan Dekat di Pusat Penyelidikan Dasar dan Ahli Senat Universiti bagi USM.

Maka, tidak hairanlah beliau sendiri dilihat begitu cakna mengenai perkembangan institusi pendidikan menengah, terutama di beberapa Sekolah Agama Rakyat (SAR) serta Sekolah Agama Bantuan Negeri, sebelum ini.

Kewibawaan serta pengalaman itu dimanfaatkannya demi agenda terbaru YIPP sekarang,

"Salah satu impian utama YIPP adalah *Muslim Enclaves* dengan menjadikan aspek pendidikan dan dakwah, pembangunan fizikal (meliputi) hartanah dan pelancongan sebagai komponen utama.

"Maka, semua ini adalah antara tempat tinggalan sejarah yang kita boleh untuk pulih kembali di bawah perancangan *Muslim Enclaves*.

"Ini bukan sahaja untuk memulihkan semula keagungan sejarah itu dengan menghidupkan pelbagai kebudayaan Islam ini, malah, untuk menarik pelancong luar ke negeri ini," ujar beliau lagi.

***MUSLIM GALLERY***

Beliau berkata, George Town yang diiktiraf sebagai Bandar Warisan Dunia UNESCO hasil inisiatif Kerajaan Negeri sebenarnya memudahkan YIPP melakukan beberapa perancangan demi memajukan lagi hab pelancongan itu.

"Pertama, kita nak buat *Muslim Gallery*. Kita tidak perlu sebuah bangunan yang besar untuk dimahsyurkan sebagai muzium.

"Konsep kita adalah menjadikan beberapa premis kecil sebagai galeri ini untuk pameran tulisan khat, pameran mengenai sejarah perkembangan Islam di Pulau Pinang, muzium artifak Muslim George Town.

"Dengan maksud yang lebih mudah, konsepnya *Muslim Gallery* ini bukan satu bangunan, tetapi, beberapa premis kecil dalam kawasan *Muslim Enclaves* ini," ujar beliau.

Antara projek lain di bawah pelan perancangan projek *Muslim Enclaves* ini adalah Taman Ilmu di Masjid Melayu Lebuh Acheh, *Intepretation Center,* Pusat Penulisan Khat, Sudut Budaya, Dewan Muslim dan Kampus Bandar.

**'TAMAN ILMU'**

Tahu tidak tahu, George Town pernah menjadi pusat perkembangan ilmu-ilmu agama.

Kedai "Pak Yusof Rawa" dekat Masjid Melayu Lebuh Acheh memainkan peranan penting mencetak kitab-kitab agama.

"Kedai 'Pak Yusof Rawa' (ayah kepada Datuk Mujahid Yusof Rawa) ini semasa itu menjadi tumpuan orang-orang dari luar Pulau Pinang sendiri.

"Di ketiga-tiga masjid yang saya sebutkan tadi, kita nak imarahkan sampai menjadi taman ilmu di negeri ini.

"Kita (YIPP) nak, George Town ini turut dikenali sebagai kawasan pelancongan keilmuan di rantau ini juga," ujar beliau.



DATUK Mansor Othman.

Beliau berkata, YIPP akan bekerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan melalui agensinya, *Think City* di bawah syarikat Khazanah Nasional Berhad.

Itu, katanya, tidak termasuk rancangan YIPP untuk mengubah wajah baru bangunan MARA dekat Masjid Kapitan Keling.

"Sama ada menjadikan bangunan lama itu sebagai kampus universiti atau pusat konvensyen dan komersial di sini, itupun, dalam perancangan YIPP (kerana) mana ada Dewan Muslim yang besar di George Town untuk komuniti umat Islam.

"Sebab itu, kita (YIPP) lihat keperluannya ada di situ," jelas beliau.

Tambah beliau, YIPP juga merancang untuk mewujudkan sebuah pusat informasi tersendiri yang membantu interpretasi kebudayaan Islam George Town kepada pelancong.

"Selepas pelancong melawat *Muslim Enclaves* ini, kita rancang untuk membawa mereka ini ke satu pusat untuk mempromosi mengenai keunikan kebudayaan Islam di George Town ini.

"Kita (YIPP) nak kongsi maklumat mengenai gaya hidup orang Islam, kebudayaan mereka serta perkembangan Islam," ujar beliau.

**CABARAN**

Ramai yang tidak tahu bahawa beliau juga pernah menjadi *consultant* kepada beberapa agensi kerajaan serta pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah *Penang Regional Development Authority* (PERDA).

Beliau juga pernah menjalankan projek penyelidikan dasar kepada agensi kerajaan seperti Sistem Fail Tanah Negeri Pulau Pinang, Kajian Penempatan Semula Penduduk di Seberang Perak, Kajian Setinggan di Lembah Klang, Projek Bina Ilmi di Pulau Pinang, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya.

Mansor juga merupakan pengasas utama projek TEKUN pada tahun 1980-an adalah Mansor sendiri.

Berbekalkan semua pengalaman ini, beliau menguruskan program pinjaman mikro kredit yang tidak jauh berbeza, dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR).

Mansor berkata, kepimpinan utama Kerajaan Negeri sangat memberi sokongan pada program mesra rakyat tersebut.

Dalam projek terbaru ini pun, kata Mansor, Kerajaan Negeri banyak membantu YIPP.

"Saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi geran kepada YIPP untuk memulakan semua ini.

"Kerjasama daripada NGO-NGO serta pertubuhan Islam juga memberi kekuatan kepada YIPP untuk menghadapi cabaran ini.

Bagaimanapun, Mansor berkata, YIPP perlu berjiwa besar sungguhpun terpaksa berdepan pelbagai prasangka pihak tertentu.

"Prasangka ini di mana-mana pun ada. Sepatutnya ahli politik tanpa mengira warna parti tidak perlu memberi prasangka negatif terhadap perancangan YIPP kerana impian kita sangat jelas, antaranya untuk memartabatkan potensi umat Islam serta sektor pelancong di negeri ini," ujar beliau.

**HARAPAN**

Mansor berkata, YIPP menyimpan harapan yang besar untuk merealisasikan *Muslim Enclaves* ini.

"Cuma, saya harap akan mendapat kerjasama daripada antarabangsa juga apabila YIPP mula menggerakkan idea mewujudkan *Muslim Enclave* ini. InshaAllah.

"Kita perlu menunjukkan apakah progres serta hasil dari perancangan kita (*Muslim Enclaves*) ini, tidak boleh sekadar meminta sokongan kewangan daripada semua pihak yang berminat dengan projek ini semata-mata," ujar beliau.

Kata beliau, seperti Program Pengukuhan Kepimpinan Qaryah Masjid Pulau Pinang yang diadakan di Pusat Latihan Zakat (PULAZA), Pantai Acheh, Balik Pulau baru-baru ini pun antara lain untuk menyediakan persiapan fikrah ke arah merealisasikan *Muslim Enclaves* ini.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk menjemput Dr. Tariq Ramadhan serta beberapa ilmuan Islam lain menyertai wacana ilmiah kendalian YIPP di negeri ini.

"Semua lapisan kepemimpinan perlu dipersiapkan dari segi pemikiran, supaya idea *Muslim Enclaves* ini dapat dikongsi bersama... kita mula peringkat masjid supaya pengurus-pengurus institusi penting umat Islam ini menjadi agen perubahan bersama YIPP kelak," ujar beliau.

Beliau berkata, George Town mempunyai prospek pelancongan yang cerah untuk menjadi *Muslim Enclaves*.

"*Little India* dan *Little China* di George Town ini sudah dikenali dunia.

"InshaAllah sektor pelancongan negeri kian maju apabila dunia khususnya negara-negara Islam mengetahui bahawa di George Town ini mempunyai orang Islam yang bersaudara seagama dengan mereka untuk ditemui apabila wujud *Muslim Enclave* ini," ujar beliau.

# MPSP hargai Pengakap, JPN anjur program kitar semula



MAIMUNAH Mohd. Shariff (kanan) menunjukkan lencana Pengakap yang diterimanya pada Majlis Penutupan Program *'Clean Up The World'* sambil diperhatikan oleh Kader Md. Nor (tengah) di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**BUKIT MERTAJAM** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) menganjuran program kitar semula yang dikenali sebagai *Clean Up The World*.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Shariff berkata, program itu adalah kelangsungan pada usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan untuk mengurangkan keterhasilan sisa sampah terkumpul yang direkodkan kian bertambah tiap-tiap tahun.

"Negeri ini menyaksikan pertambahan penduduk yang tinggi (hingga) menyumbang pada pertambahan jumlah tan sampah setiap tahun," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan atas inisiatif penganjur.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Datuk Kader Md. Nor, Zulklafi Kamaruddin (Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang) dan Ong Shy Hann (Pengarah Penganjur).

Maimunah mendedahkan, sebanyak 287,062 tan sampah telah dihasilkan isi rumah sepanjang bulan Januari hingga Ogos, tahun ini.

Impaknya, beliau berkata, MPSP membelanjakan sebanyak kira-kira RM5.8 juta (RM5,798,658.46) bagi kos penyelenggaraan sisa pepejal yang berpengkalan di Pulau Burong dekat Seberang Perai Selatan.

Itu, katanya, tidak termasuk RM 330,000 kos pengurusan sisa pepejal di Ampang Jajar.

Justeru, beliau berkata, semua pihak wajar mengamalkan posisi kebersihan di kawasan masing-masing, lengkap dengan usaha untuk mengurangkan keterhasilan sisa sampah.

Dalam perkembangan lain, beliau turut mengumumkan kejayaan MPSP mencapai 32 peratus kitar semula dalam tempoh masa Januari hingga Ogos tahun ini.

# SMSTSSS lancar *Eco Rangers* masyarakat cegah denggi

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Lebih 70 pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Sains Tun Syed Syeikh Sahabuddin (SMSTSSS) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melancarkan program *Eco Rangers* di Flat Taman Permata, di sini.




JAMALUDIN Yaacob bersama-sama beberapa pelajar bergambar kenang-kenangan sempena majlis SMSTSSS *Eco Rangers* MPSP di sini baru-baru ini.

Pengetuanya, Jamaludin Yaacob berkata, inisiatif itu demi memastikan kawasan persekitaran taman serta sekolahnya bebas dari pembiakan nyamuk aedes dan wabak denggi.

"Kita akan menjalinkan tenaga beberapa pihak seperti sekolah, persatuan penduduk, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan MPSP bagi mewujudkan kesedaran betapa penting kesihatan seperti negara-negara moden.

"Di sekolah juga, macam-macam kita lakukan dan kita bersama MPSP menyertai *Green School* dengan motto kita, iaitu 'Bersih, Hijau dan Cemerlang'," ujar beliau pada majlis perasmian program di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, pengerusi persatuan penduduk penduduk setempat turut merakam penghargaan kepada pihak sekolah, MPSP, JKN kerana berganding bahu membersihkan kawasan taman berkenaan.

Jamaluddin berkata, program seumpama itu merupakan kali pertama dianjurkan oleh pihak sekolah.

"Program seumpama ini pertama kali dilakukan dan kita (SMSTSSS) akan menjadi pemangkin pada projek *Eco Rangers* Sekolah MPSP.

"Saya bagi pihak sekolah, (saya) merakam ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, budaya gotong-royong yang menjadi salah satu identiti Melayu kian luntur, khususnya di kawasan bandar.

"Gotong-royong dianggap tradisi sosial yang wajar dikekalkan dan merupakan salah satu budaya Melayu.

"Sekarang, amalan gotong-royong makin luntur akibat kedudukan sosial, terutama di kalangan orang yang sibuk mengejar materialistik," ujar beliau.

Justeru, katanya, program *Eco Rangers* yang dianjurkan oleh MPSP di peringkat sekolah sekaligus mampu memupuk kembali budaya murni itu.

# ADUN Pulau Tikus seru komuniti kurang hasil sisa pepejal




YAP Soo Huey (paling kanan) saling berinteraksi dengan Judy Shoba (dua dari kanan) di khemah pameran di sini baru-baru ini.

**PULAU TIKUS** – Warga pulau dinasihat supaya menguruskan sisa pepejal masing-masing, termasuk mengurangkan keterhasilan sampah serta melakukan aktviti kitar semula semaksimum mungkin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, pengumpulan sampah yang kian meningkat saban tahun mengakibatkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terpaksa berbelanja sebesar RM24 juta.

"Masyarakat juga perlu memainkan peranan mereka bagi menjaga alam sekitar supaya kekal bersih dan selamat.

"Marilah kita semua bekerjasama bersama-sama MPPP," katanya beliau dalam satu majlis dialog dengan komuniti setempat di Pasar Pulau Tikus di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pembangunan Bandar MPPP, Mubarak Junus dan Dr. Judy Shoba (Pengarah Perkhidmatan Bandar, Kesihatan Awam dan Perlesenan, MPPP).

Sementara itu, Mubarak berkata, MPPP akan menyediakan baldi demi memudahkan kaum penjaja mengumpul sisa makanan mereka masing-masing.

"Para pekerja MPPP akan mengutip sisa makanan dari para penjaja setiap hari. MPPP mempunyai lima tangki bagi menyimpan baja cecair yang telah diproses.

"Sisa makanan tersebut kemudian akan dibawa ke pusat pemprosesan untuk di proses dan dijadikan baja cecair," katanya.

# Kuih bulan ajar kuasakan rakyat Malaysia – ADUN

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**NIBONG TEBAL -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee mengambil kesempatan mengedarkan kuih bulan kepada kira-kira 200 peserta senamrobik sempena sambutan Hari Malaysia ke-50 peringkat Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, kuih bulan adalah simbol kejayaan perjuangan rakyat membebaskan diri masing-masing dari belenggu penjajahan.

Justeru, katanya lagi, warga Pulau Pinang yang berbilang kaum harus terus menguatkan upaya rakyat sebagaimana yang dijamin oeh Perlembagaan Persekutuan sempena sambutan Hari Malaysia.

"Saya berharap program ini dapat merapatkan silaturahim masyarakat berbilang kaum sekitar SPS pada hari yang bersejarah ini," ujar Lip Chee di perkarangan Taman Berjaya, di sini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Shariff serta dua orang Ahli Majlisnya, Loh Joo Huat dan H'ng Mooi Lye.

Dalam perkembangan lain, Lip Chee turut merakamkan penghargaan kepada MPSP, Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi dan *MyShape Fitness Centre* atas penganjuran bersama program senamrobik tersebut.

Beliau berkata, penyediaan kemeja-T untuk semua peserta program menggunakan peruntukan ADUN membuktikan bahawa pihaknya menyokong program sihat sebegitu diadakan di sini pada setiap hujung minggu.



SOON Lip Chee (empat dari kiri) dan Maimunah Mohd. Shariff (tiga dari kanan) mengedarkan kuih bulan pada Senamrobik Hari Malaysia dekat sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN peserta yang memeriahkan sambutan Hari Malaysia dekat sini baru-baru ini.


## HARTA MPSP UNTUK DISEWA BAGI TUJUAN PUSAT KITAR SEMULA / PUSAT KOMPOS

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengalu-alukan:-

- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK)
- Persatuan - persatuan Penduduk
- Rukun Tetangga
- Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)
- Syarikat - syarikat Swasta
- untuk memohon harta MPSP untuk disewakan bagi tujuan mengadakan Pusat Kitar Semula / Pusat Kompos bagi kawasan Seberang Perai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
1) En. Ahmad Syahrir bin Jaafar di talian 04 - 5497496
2) En. Abdul Latif bin Yaman di talian 04 - 5497497

MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG
(www.mppp.gov.my)

PREMIS-PREMIS MAJLIS UNTUK DISEWA

Lokasi : a) R/pangsa Majlis di Jalan Burma
b) R/pangsa Majlis di Jalan Kedah
c) R/pangsa Majlis di Jalan Sg Nibong
d) Premis Kedai Majlis di Taman Sri Pinang

Harga Sewa : RM432 sebulan hingga RM800 sebulan

Keluasan : 397 k.p – 1,200 k.p

Butir-butir lanjut dan borang permohonan boleh didapati dari :-

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Bahagian Pengurusan Harta
Tingkat 12, KOMTAR,
10675 Pulau Pinang
Tel : 04-2592107 / 2592105

Tawaran penyewaan adalah berdasarkan permohonan yang diterima paling awal sehingga semua unit kosong telah disewakan.

# Karnival sepak raga tuju dapat sambutan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**WARISAN...** Sukan sepak raga tuju jarang sekali disaksikan oleh generasi hari ini dihidupkan kembali apabila menjadi acara utama pada Karnival Sepak Raga Tuju Nibong Tebal baru-baru ini.

Ternyata acara sukan tersebut masih mempunyai peminatnya apabila lebih daripada 1,500 pemain dari Gabungan Sepak Raga Tuju menyertai karnival tersebut.

"Sukan sepak raga tuju adalah permainan sukan rakyat yang paling popular di utara Semenanjung.

"Acapkali sukan ini berjaya menghimpunkan seluruh peminat sukan ini tanpa mengira bangsa dan usia.

"Malah pada karnival ini juga, kita dapat lihat penyertaan daripada pelbagai kaum termasuk kaum Cina, Hindu dan Siam," ujar Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman yang hadir merasmikan karnival tersebut.



MANSOR Othman (berdiri, enam dari kiri) bersama sebahagian peserta Karnival Sepak Raga Tuju Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

# Pantau kawasan cenderung banjir, PPK saran baiki sistem saliran air

**BERTAM** – Keadaan cuaca tidak menentu selama beberapa hari menyebabkan beberapa buah kediaman di Kampung Setol dekat sini dinaiki air.

"Hujan tidak berhenti selama dua hari menyebabkan kawasan sekitar Kampung Setol dinaiki air.

"Kira-kira 20 buah rumah ditenggelami air sehingga paras betis," jelas Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak yang turut turun padang meninjau keadaan banjir di sini baru-baru ini.

Rentetan itu, arahan serta-merta dikeluarkan untuk mendalamkan parit kawasan sekitar dan kerja-kerja pembinaan parit serta sistem saliran yang lebih teratur akan dilaksanakan kelak.

"Kita akan memperbaiki sistem peparitan dan saliran terutama di kawasan yang cenderung banjir dengan kerjasama JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), JKR (Jabatan Kerja Raya), MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai) dan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) setempat.

"Sedaya upaya kita akan membantu dan terus memantau kawasan sekeliling termasuk pemantauan sistem peparitan supaya kejadian banjir ini tidak berulang acapkali musim hujan," jelas Asrol ketika ditemui baru-baru ini.



ASROL Sani Abdul Razak (kiri) ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah rumah yang dinaiki air di sini baru-baru ini.

# Keluarga Che Siah dapat perhatian PPK



MUHASDEY Muhamad (berdiri, kanan sekali) bersama beberapa wakil JKKK Kubang Menerong melawat Che Siah di kediamannya baru-baru ini.

**PINANG TUNGGAL –** Kesempitan hidup Che Siah Desa, 52 sekeluarga mendapat perhatian Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad baru-baru ini.

Bukan sahaja suaminya tidak mempunyai pendapatan tetap, malah nasib ibu kepada empat orang cahaya mata ini bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga apabila sebahagian kaki kiri Che Siah terpaksa dipotong akibat kencing manis.

Menurut Muhasdey, beliau bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Menerong dan Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Kubang Menerong sempat menziarahi Che Siah di kediamannya di sini.

Selain menyampaikan sumbangan hamper yang berupakan makanan asas harian, beliau turut menyampaikan sumbangan wang tunai bagi meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung Che Siah sekeluarga.

"InshaAllah, bagi pihak saya, kami akan cuba membantu keluarga Che Siah dan usahakan sama ada melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Jawatankuasa Kemiskinan Daerah Seberang Perai Utara untuk tindakan lanjut," ujar Muhasdey.

Sesiapa yang ingin menghulurkan bantuan kepada keluarga Che Siah, boleh menghubungi Muhasdey melalui talian **019-437 2887** atau emelkan kepada *hadiputra78@yahoo.com* untuk sebarang pertanyaan.

# Sumbangan pokok malar hijau sahut seruan KN - Maktar



MANSOR Othman (pegang cangkul) menyempurnakan gimik Program Pemberian Pokok kepada JKKK dalam DUN Sungai Bakap sambil disaksikan oleh Maktar Shapee (berkopiah) dan JKKK yang terlibat di sini.

**SUNGAI BAKAP** - Dalam usaha menyahut seruan Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan dengan kerjasama Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap baru-baru ini menyampaikan sumbangan pokok malar hijau kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Bakap di sini.

Majlis disempurnakan oleh Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman.

Menurut ADUNnya, Maktar Shapee, inisiatif menyumbang tumbahan malar hijau ini adalah sebahagian inisiatif ke arah mewujudkan negeri hijau.

"Kita bukan sahaja menggalakkan JKKK kita untuk mengamalkan sikap hijau, malah melalui pemberian sumbangan ini, orang awam akan lebih sedar akan peri pentingnya menjaga alam sekitar.

"Kesedaran inilah harus sentiasa dipupuk agar ianya boleh dijadikan amalan dan tabiat," jelas Maktar sejurus selepas penyampaian pokok pada Program Pemberian Pokok kepada JKKK DUN Sungai Bakap di perkarangan Surau al-Falah dekat Taman Putri Gunung baru-baru ini.

## PPK seru penduduk setempat jadikan gotong-royong amalan sihat



ANTARA penduduk setempat bertungkus-lumus membersihkan kawasan sekitar Kampung Bagan Ayer Itam dekat sini baru-baru ini.

**TELOK BAHANG** - Aktiviti gotong-royong bukanlah aktiviti bermusim yang hanya dijalankan tatkala kawasan mulai ditumbuhi semak samun tetapi perlu dijadikan aktiviti bulanan penduduk setempat, ujar Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain baru-baru ini.

"Aktiviti gotong-royong bukan sahaja bertujuan untuk membersihkan kawasan setempat tetapi juga boleh dijadikan aktiviti senaman yang menyihatkan.

"Apabila persekitaran bersih, badan sihat maka minda pun akan cerdas dan mampu menjadi warga Pulau Pinang yang cemerlang," ujar Abdul Halim sejurus selesai Program Gotong-royong Cleaner, Greener Penang di Kampung Bagan Ayer Itam, Jalan Bharu dekat sini baru-baru ini.

Seramai kira-kira 30 penduduk setempat dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Bharu turut serta dalam gotong-royong tersebut.

Hadir sama Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Nur Zarina Zakaria.

## Sarang tebuan ancam penduduk dimusnah



WARUNG dekat pekan Penaga kini bebas dari bahaya tebuan.

**PENAGA** – Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Muda berjaya memusnahkan sarang tebuan berhampiran warung dekat pekan Penaga di sini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Ridwan Osman berkata operasi itu dijalankan atas maklumat dan aduan orang awam yang sering singgah di warung berkenaan.

"Mujur ada pengunjung yang menyedarinya lalu memaklumkan kepada pembantu saya dan laporan terus dibuat pada hari yang sama.

"Tindak pantas ini bukan sahaja mampu menyelamatkan nyawa pengunjung yang lalu-lalang di kawasan tersebut tetapi juga mampu mengelakkan ia membiak kepada koloni tebuan yang baru," jelas Ridwan.

Rentetan itu, Ridwan mengingatkan orang ramai untuk segera bertindak memaklumkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat atau memaklumkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di kawasan berkenaan sekiranya menemui sarang-sarang tebuan di atas pokok.

"Sarang tebuan saiz kecil mungkin dapat dimusnahkan menggunakan racun serangga, tetapi kalau besar kita perlu menggunakan api memusnahkannya.

"Terima kasih kepada anggota bomba yang bertindak pantas," kata Ridwan.

Dalam operasi berkenaan, lima anggota bomba terlibat.



# Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat